

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.03/01/10.12/26(20)

16 Mac 2026
26 Ramadhan 1447H

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2026

**PELAKSANAAN KAEDAH PEMBELIAN TERUS MELALUI SISTEM
e-PEROLEHAN UTM BAGI PEROLEHAN BEKALAN, PERKHIDMATAN DAN
KERJA MELIBATKAN SEMUA KUMPULAN WANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya, izinkan perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil.4/2026 pada 20 Februari 2026 telah meluluskan Cadangan Pelaksanaan Kaedah Pembelian Terus Melalui Sistem e-Perolehan UTM bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang melibatkan semua Kumpulan Wang.

3. Sistem e-Perolehan dibangunkan atas komitmen Jabatan Bendahari terhadap usaha meningkatkan kecekapan pengurusan perolehan dengan meneroka solusi baharu yang lebih komprehensif dan dinamik. Inisiatif ini selaras dengan **Blueprint Ekonomi Digital Malaysia** yang menasaskan agar 80% perkhidmatan Kerajaan dilaksanakan secara dalam talian (*online*) dari peringkat awal hingga peringkat akhir.

4. Justeru mulai 1 April 2026, semua perolehan bernilai melebihi RM500.00 hingga RM50,000.00 perlu dilaksanakan melalui Modul Pembelian Terus di dalam Sistem e-Perolehan. Bayaran fi perkhidmatan akan dikenakan untuk setiap transaksi mengikut kadar yang ditetapkan dalam Prosedur Perolehan Kerajaan, P.K 5.1 - Perolehan Menggunakan Sistem e-Perolehan seperti berikut:

4.1 Kadar Fi Perkhidmatan 0.8% bagi Perolehan Kontrak Bukan Bermasa.

Kadar fi perkhidmatan sebanyak 0.8% dikenakan bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-off payment*).

4.2 Kadar Fi Perkhidmatan 0.4% bagi Perolehan Kontrak Bermasa.

Kadar fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dikenakan bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800.00 bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali bayaran (*multiple payment*).

4.3 Pengecualian Bayaran Fi Perkhidmatan bagi Perolehan dengan Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun.

Bayaran fi perkhidmatan bagi perolehan dengan Agensi Kerajaan (Persekutuan/Negeri), Pihak Berkuasa Tempatan (Persekutuan/Negeri) dan Badan Berkanun (Persekutuan/Negeri) adalah dikecualikan.

5. Semua proses berkaitan Pembelian Terus termasuk permohonan pembelian, tawaran daripada/ kepada pembekal, cetakan Pesanan Tempatan dan proses pembayaran hendaklah dibuat melalui Sistem e-Perolehan. Sila rujuk manual pengguna yang dilampirkan bersama surat pekeliling ini.

6. Sebagai langkah kawalan dan pematuhan terhadap dasar pendaftaran pembekal, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) akan melaksanakan tindakan **penahanan bayaran** ke atas mana-mana pembekal yang;

- (i) Tidak berdaftar dalam Sistem e-Perolehan UTM;
- (ii) Gagal memperbaharui pendaftaran selepas tamat tempoh sah laku; atau
- (iii) Mempunyai status pendaftaran yang tidak aktif semasa urusan pembayaran dibuat.

7. Langkah ini bertujuan untuk memastikan bahawa hanya **pembekal yang sah, berdaftar dan memenuhi syarat kelayakan** dibenarkan menerima bayaran atas perolehan yang dilaksanakan bersama pihak Universiti. Pelaksanaan penahanan bayaran ini akan dilakukan seperti berikut:

(i) Semakan Status Pembekal Secara Automatik

Sistem e-Perolehan UTM akan diselaraskan dengan sistem kewangan UTMFIN bagi mengesahkan status pendaftaran pembekal sebelum sebarang pembayaran boleh diproses.

(ii) Makluman Status Pendaftaran Kepada Pembekal

Pembekal yang didapati tidak berdaftar atau tamat tempoh pendaftaran akan dimaklumkan secara automatik melalui sistem dan e-mel berdaftar untuk mengambil tindakan pembaharuan segera.

(iii) Penangguhan Bayaran

Semua pembayaran yang berkaitan akan ditangguhkan sehingga pembekal melengkapkan proses pembaharuan dan memperoleh status "Aktif" dalam sistem e-Perolehan.

(iv) Pengecualian Penahanan Bayaran dengan Kelulusan Khas

Sebarang permohonan pengecualian daripada penahanan bayaran hendaklah dikemukakan secara rasmi dan dipertimbangkan oleh Bendahari berdasarkan kes-kes tertentu yang disertai dengan justifikasi yang kukuh.

(v) Pematuhan dan Penguatkuasaan Berterusan

Unit Pengurusan Perolehan, Jabatan Bendahari akan menjalankan pemantauan berkala terhadap status pendaftaran pembekal untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar ini.

8. Sehubungan dengan itu, seluruh Warga Universiti yang terlibat diminta mengambil maklum dan mengguna pakai Surat Pekeliling ini yang boleh dimuat turun di laman web rasmi Jabatan Bendahari <https://bursary.utm.my>. Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 April 2026.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH'

Saya yang menjalankan amanah,



(ABU BAKAR BIN MOHD SALLEH@AHMAD)

Bendahari

Universiti Teknologi Malaysia

s.k. Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Ketua Kampus UTM Kuala Lumpur
Ketua kampus UTM Pagoh
Pengarah Pusat Penyelidikan – UTM Pagoh
Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah